

# **PANDUAN TEKNIKAL**

## **PANDUAN PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN PERSIJILAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN**



Jabatan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi dan Teknologi  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-8922 5888  
Fax: 03-8922 3685  
Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

## **KANDUNGAN**

1.0	TUJUAN	1
2.0	SKOP	1
3.0	SINGKATAN	1
4.0	TAFSIRAN	1
5.0	PROSEDUR PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN	2
6.0	PENUTUP	3
7.0	REKOD DOKUMEN	4

## **1.0 TUJUAN**

Dokumen ini disediakan untuk memberi panduan bagi permohonan untuk menduduki Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran.

## **2.0 SKOP**

Dokumen ini digunakan sebagai panduan kepada mana-mana orang yang berhasrat memohon untuk menduduki Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran.

Dokumen ini digunakan bersama-sama dengan Standard Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran [LEM/TEK/44 (Bahagian A) Sem.6].

## **3.0 SINGKATAN**

JKPPPS	:	Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran
PPS	:	Pegawai Perlindungan Sinaran

## **4.0 TAFSIRAN**

### **Pusat Peperiksaan**

Pusat Peperiksaan adalah Pusat Peperiksaan Persijilan PPS iaitu tempat yang telah diiktiraf oleh Jabatan Tenaga Atom bagi menjalankan Peperiksaan Persijilan PPS.

### **Agensi Latihan**

Agensi Latihan adalah Agensi Latihan PPS iaitu agensi yang telah diiktiraf oleh Jabatan Tenaga Atom bagi mengendalikan latihan kepada calon PPS seperti yang diperjelaskan dalam LEM/TEK/1(Bahagian E) semakan terkini.

## **5.0 PROSEDUR PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN**

- 5.1 Pendaftaran untuk menduduki peperiksaan hendaklah dibuat kepada Jabatan Tenaga Atom secara dalam talian melalui Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran (iExam).
  - a) Calon hendaklah memastikan maklumat peribadi bagi tujuan pendaftaran peperiksaan adalah tepat.
  - b) Calon hendaklah memuatnaik segala dokumen yang diperlukan ke iExam.
  - c) Calon perlu memilih tarikh, masa dan sesi peperiksaan teori, amali atau kedua-duanya yang dikehendaki. Pilihan calon adalah muktamad dan sebarang pertukaran adalah tertakluk kepada pertimbangan Jabatan Tenaga Atom.
  - d) Calon akan dimaklumkan mengenai status permohonan melalui alamat emel yang telah didaftarkan oleh calon dalam iExam.
- 5.2 Calon dikehendaki mengemukakan salinan sijil latihan PPS bagi tahap persijilan PPS yang akan diambil dan lain-lain dokumen yang diperlukan semasa mengemukakan permohonan. Semua salinan sijil hendaklah disahkan oleh majikan atau Agensi Latihan.
- 5.3 Majikan adalah bertanggungjawab terhadap kesahihan maklumat yang diberikan dalam permohonan. Sekiranya calon bekerja sendiri, beliau adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesahihan maklumat yang diberikan.
- 5.4 Calon yang hendak menggunakan sijil latihan selain sijil latihan PPS sebagai kelayakan untuk menduduki peperiksaan perlu mendapat kelulusan daripada JKPPPS terlebih dahulu sebelum boleh menggunakan sijil tersebut.
- 5.6 Keputusan permohonan menduduki peperiksaan sama ada berjaya atau gagal akan dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh peperiksaan berlangsung. Sekiranya permohonan pendaftaran telah disahkan berjaya, dan calon mendapat tempat untuk menduduki peperiksaan, calon dikehendaki memuat turun slip pendaftaran peperiksaan dan hadir pada tarikh

dan masa peperiksaan yang telah ditetapkan. Calon hendaklah berpakaian kemas dan mematuhi kod etika pemakaian di pejabat kerajaan sewaktu menghadiri peperiksaan.

- 5.7 Bagi calon yang telah berjaya mendapat tempat untuk menduduki peperiksaan namun tidak dapat hadir peperiksaan tersebut, calon dikehendaki untuk memaklumkan Jabatan Tenaga Atom dengan menyertakan dokumen sokongan melalui emel bagi sebab ketidakhadiran tersebut selewat-lewatnya sebelum peperiksaan dijalankan. Calon yang tidak dapat hadir tersebut tidak boleh mendapatkan pengganti tempatnya dengan calon lain tanpa kebenaran Jabatan Tenaga Atom.
- 5.8 Bagi calon yang telah berjaya mendapat tempat untuk menduduki peperiksaan namun tidak hadir peperiksaan tersebut, dan tidak memaklumkan Jabatan Tenaga Atom mengenai ketidakhadiran, calon adalah tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan selama 3 bulan berturut-turut.

## **6.0 PENUTUP**

Panduan ini adalah terpakai serta merta pada tarikh ia dikeluarkan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai panduan ini, mana-mana orang yang berkenaan boleh berhubung dengan Jabatan Tenaga Atom menggunakan alamat di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)  
Jabatan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor  
No. Telefon: 03-8922 5888  
No. Faks: 03-8922 3685  
Emel: [corporate@aelb.gov.my](mailto:corporate@aelb.gov.my)  
Laman Web: [wwwaelb.gov.my](http://wwwaelb.gov.my)

## 7.0 REKOD DOKUMEN

Tarikh Terimapakai	Status Semakan	Penyedia
11 Disember 2000	0	JKPPPS
16 Jun 2006	1	JKPPPS
13 Mei 2007	2	JKPPPS
27 Mac 2015	3	JKPPPS
12 Disember 2018	4	JKPPPS Siti Saleha Sofian Suri
26 Jun 2023	5	Monalija Kostor Mohd. Zulfadli Ramli Mohd. Hafizuddin Ab. Rahman